

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 JULAI 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Parlimen: 20 Alat pengesan gegaran gempa bumi dipasang seluruh negara - Shahidan	Bernama.com
2	20 Alat pengesan gempa bumi beroperasi hujung tahun ini	Utusan Malaysia
3	Pollution cause of haze, says department	The Malay Mail
4	Hazy air due to dry spell	The Star
5	Johor river's water level below critical	New Straits Times
6	Rakyat Malaysia perlu bersedia hadapi cuaca panas, jerebu - JMM	Bernama.com
7	Bekalan air di empangan utama masih di paras selamat	Bernama.com
8	Stock Market, Islamic authorities all set for the extra second	The Star
9	Kurang modal, teknologi halang usahawan capai standard	Utusan Malaysia



Parlimen: 20 Alat Pengesan Gegaran Gempa Bumi Dipasang Seluruh Negara - Shahidan

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Sebanyak 20 alat pengesan gegaran gempa bumi yang mampu mengesan gegaran kecil dan kuat sedang dipasang di seluruh negara termasuk tujuh di Sabah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, perkara itu sedang dilaksanakan oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia** dan semua alat itu dijangka dapat beroperasi hujung tahun ini.

"Pemasangan 20 alat itu adalah sebagai tambahan kepada 44 alat pengesan gempa bumi yang sedia ada bagi mengesan gegaran kecil dan kuat.

Bagaimana pun berdasarkan teknologi semasa, yang digunakan di negara-negara maju seperti Jepun, tiada satu alat yang telah dicipta bagi memberi amaran awal gempa bumi kerana sifat bencana ini yang berlaku secara tiba-tiba," katanya semasa menggulung perbahasan Rancangan Malaysia Ke-11 di Dewan Negara di sini Selasa.

Beliau menjawab cadangan beberapa anggota dewan yang mencadangkan kerajaan memasang alat pengesan gempa bumi di kawasan-kawasan berkenaan bagi memberi amaran awal sebelum kejadian gempa bumi berlaku.

Katanya, berdasarkan aktiviti pergerakan plat bumi dan sesar aktif di Sabah, kejadian gempa bumi seperti yang berlaku pada 5 Jun lepas, boleh berulang pada masa hadapan di negeri itu.

Pada 5 Jun lepas, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter menggegarkan Ranau, Sabah dan mengorbankan 18 nyawa melibatkan 14 pendaki dan empat malim gunung, termasuk warga asing.

Katanya, selain kejadian pada 5 Jun lalu itu, kejadian gempa bumi yang paling kuat pernah direkodkan di Sabah berlaku pada 1976 di Lahad Datu iaitu pada 5.8 skala Richter yang merosakkan struktur bangunan di daerah itu.

"Bagaimana pun masih ada ruang untuk penambahbaikan dengan melihat kepada keperluan aset-aset bagi menghadapi kejadian gempa bumi seperti yang berlaku pada 5 Jun lalu," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 1 JULAI 2015 (RABU)

20 alat pengesan gempa bumi beroperasi hujung tahun ini

KUALA LUMPUR 30 Jun - Jabatan Meteorologi Malaysia sedang memasang 20 alat pengesan gempa bumi termasuk di Sabah yang dijangka beroperasi pada penghujung tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pada masa ini sebanyak 44 alat pengesan gempa bumi telah dipasang di seluruh negara termasuk lapan di Sabah.

"Berdasarkan teknologi alat pengesan di negara maju seperti Jepun, tiada satu alat yang boleh memberi amaran awal gempa bumi kerana ia berlaku secara tiba-tiba, bagaimanapun, Jepun telah menggunakan sistem yang boleh menentukan pergerakan kepada gempa bumi susulan," katanya ke-

tika menggulung perbincangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di Dewan Negara hari ini.

Sementara itu, Shahidan berkata, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) berjaya mematahkan sebanyak enam rancangan cubaan penculikan di Sabah sejak ditubuhkan pada tahun 2013.

"Pasukan Esscom berjaya mematahkan rancangan cubaan penculikan di kawasan Semporna dan Lahad Datu.



SHAHIDAN KASSIM

"Tindakan pantas pihak berkuasa ini dapat menambah keyakinan pelancong dan pelabur asing terhadap negara," katanya.

Mengulas lanjut, Shahidan berkata, kerajaan akan mengkoordinasi aset ketenteraan seperti helikopter canggih untuk mencegah berulangnya kejadian penculikan di Sabah.

"Kita akan mengukuhkan lagi kawasan sempadan dengan meningkatkan pengawasan menggunakan radar berkuasa tinggi dan mengukuhkan kawasan sempadan dengan kerjasama dengan pihak berkuasa Filipina," jelasnya.

Pollution cause of haze, says department



The Petronas Twin Towers can barely be seen because of the haze yesterday afternoon. The people have been advised to remain hydrated. — Picture by Firdaus Latif

PETALING JAYA — The haze yesterday was caused by local factors, the Meteorological Department said.

"Localised haze mainly occurs in heavily populated areas because they are polluted by vehicle exhaust and industrial by-products, director-general Datuk Che Gayah Ismail said.

"It could have also been triggered by the recent dry weather."

Most areas in Malaysia, however, recorded moderate or good readings of below 100 on the Air Pollutant Index (API) at 3pm yesterday.

Only Batu Muda and Gombak recorded unhealthy levels of 119 and 110 at 3pm and 4pm, respectively, while Cheras

By Anith Adilah
anith@mmail.com.my

recorded 106 at 3pm.

An API reading of zero to 50 is healthy, 51 to 100 is moderate, 101 to 200 is unhealthy and 200 and above is hazardous.

Che Gayah said low visibility in some parts of the country was due to the lack of rain the past few days.

"Pollutants will stay in the air, resulting in low horizontal visibility," she said.

According to the department's official

website, there was low visibility in Petaling Jaya (3km), Batu Pahat (3.5km) and Butterworth (4km) at 10am yesterday.

Che Gayah said the present weather conditions did not demand cloud-seeding and it would only be done if the situation worsened.

"Furthermore, the success of cloud seeding is not assured as it depends on other factors such as suitable clouds," she added.

Department deputy director-general Alui Bahari advised residents in affected areas to stay hydrated.

"We will face dry weather for the next week, therefore it is important to

remain hydrated," he said.

"Stay indoors during the day, especially at 3pm because that is when the temperature is highest."

Che Gayah said there was nothing alarming about the localised haze as Malaysia was in the midst of the southwest monsoon with relatively light rainfall.

"The southwest monsoon began in mid-May and normally lasts until September," she said.

"We're expecting an increase in rainfall in October."

Department of Environment director-general Datuk Halimah Hassan could not be reached for comment.

Hazy air due to dry spell

Conditions will improve by Sunday, says meteorologist

By DESIREE TRESA GASPER
desiree@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The hazy conditions experienced in some areas in the country are due to the ongoing dry spell and lack of strong winds, said the Meteorological Department.

Department National Weather Centre senior meteorologist Dr Hisham Mohd Anip said that Malaysians need not worry too much as conditions should improve by Sunday.

"This is not a full blown haze and has nothing to do with forest fires or hot spots from neighbouring countries.

"The reason why you notice that the air isn't so clean is because we are currently experiencing a stable atmospheric condition," he said.

This essentially means that the air is dry and there are no strong winds to move pollutants in the air.

"Due to this, you have elements such as factory smoke, vehicle smoke, dust and other pollutants clogging up the air," he said.

Dr Hisham however said that stronger winds are expected to build up by the coming weekend.



Murky drive: The conditions in Klang yesterday at around 7.45am. The poor visibility was brought about by localised pollution and not from fires in neighbouring countries.

"There should be some sort of improvement in the air quality by then.

"In the meantime, it is best to stay indoors to avoid breathing in too much of the unhealthy air," he said.

On the possibility of a full blown haze hitting the country soon, Dr Hisham said that it was highly unlikely at the moment.

"We may experience haze nearer the end of the year," he said.

Checks by *The Star* on the Air Pollutant Index (API) by the Department of Environment (DOE) revealed that most areas in the

country were experiencing moderate levels of air pollutants.

As of 3pm yesterday, unhealthy API readings were recorded at Cheras and Batu Muda in Kuala Lumpur. The readings were at 106 and 119 respectively.

When asked on the possibility of rain to clear the air and fill some of the dams which have recorded low water levels, Dr Hisham said that the rains were unlikely to make a significant difference this time.

"We expect some rain but not that much. The wet season will only begin in early September," he said.

Syarikat Air Bekalan Selangor (Syabas) had previously warned that taps in the Klang Valley may run dry again due to the dry spell in July and August.

Its Corporate Communications and Public Affairs manager Priscilla Alfred said that while most dams in Selangor were above the 70% capacity, this would not guarantee that there will be no disruptions including during the Hari Raya period later this month.

The cause of the shortage was due to increased usage during the hot season and the dry spell itself.

Johor river's water level below critical

JOHOR BARU: Sungai Sembrong Kiri, which supplies water to a water treatment plant that serves part of the Kluang district, has seen its water level drop in the last four days.

Syarikat Air Johor (SAJ) Holdings Sdn Bhd corporate communication head Jamaluddin Jamil said the dry spell had likely led to the river's current water level to drop to 0.4m, which is below the critical level of 0.8m.

"With the water level currently recorded at 0.4m, it means that the Sungai Sembrong Kiri water treatment plant cannot operate at the optimum level.

"This has led to low water supply pressure in parts of Kluang town," he told the *New Straits Times*.

He said there were no plans for water rationing in Kluang as it has not led to any water supply disruption for residents there and its surrounding areas.

However, Jamaluddin said SAJ was ready to deploy water tankers to the affected areas to accommodate any supply shortage.

On Monday, the NST reported that the water level at two dams in Johor had dropped below the critical level and it was feared that it may worsen

if the dry spell continues until August.

A dam in Sungai Layang, Masai, which supplies water to the Pasir Gudang industrial areas and most parts of Johor Baru, has breached the critical level, depleting at a rate of 0.03m and 0.07m each day.

It was also reported that the Sungai Lebam Dam, which supplies water to the Sungai Lebam water treatment plant to be channelled to 65,000 users in Pengerang, Bandar Penawar and Felda Air Tawar in Kota Tinggi, has seen a gradual drop of 0.01m per day over the past three months.

SAJ said the depleting water level at both dams was considered serious as the water supply could possibly last between 20 to 30 days if there was no rainfall in the next few weeks.

It is learnt that based on a forecast by the **Malaysian Meteorological Department**, there should be rainfall in parts of Johor next week.

Jamaluddin said no other dams or water treatment plants in the state were facing problems, and assured the public that the situation was being monitored to prevent any water supply disruption.



Rakyat Malaysia Perlu Bersedia Hadapi Cuaca Panas, Jerebu - JMM

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu bersedia menghadapi cuaca lebih panas berikutan monsun barat daya yang sedang melanda negara ini.

Ketua pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Datuk Che Gayah Ismail berkata musim monsun itu akan membawa cuaca panas dan kering, manakala musim kemarau diramalkan berlanjutan hingga September.

"Hanya terdapat sedikit hujan, terutama pada awal pagi di kawasan pantai dan kawasan di selatan Selangor," katanya kepada Bernama di sini hari ini sambil menjelaskan bahawa keadaan cuaca mungkin bertambah buruk serta mengakibatkan jerebu sekiranya terdapat pembakaran terbuka secara berleluasa.

Pemerhatian rambang di sini hari ini mendapati keadaan agak berjerubu, tetapi, menurut Che Gayah, keadaan itu mungkin kerana tiada hujan sejak beberapa hari lepas.

Beliau berkata ia bukan berpunca daripada aktiviti gunung berapi di Gunung Sinabung di Sumatra Utara, walaupun abu gunung berapi menuju ke arah tengah Semenanjung Malaysia dengan ketinggiannya ketika melalui Semenanjung adalah lebih 6,000 kaki.

Berdasarkan imej terbaru satelit Pusat Meteorologi Khas ASEAN (AMSC), tiada tompok panas dikesan di Semenanjung Malaysia, tetapi terdapat masing-masing dua di Sabah dan Sarawak.

Semakan dengan Jabatan Alam Sekitar mendapati kesemua 52 kawasan yang dibuat pemantauan kualiti udara di seluruh negara hari ini menunjukkan Indeks Pencemaran Udara berada pada paras baik dan sederhana.

Sementara itu, presiden Persatuan Perubatan Malaysia Dr Ashok Philip berkata musim panas sekarang boleh mengakibatkan penyahhidratan sekiranya manusia banyak berpeluh dan tidak minum cukup air.

Katanya, keadaan itu boleh berlaku walaupun mereka tinggal di tempat teduh, manakala keadaan lebih teruk akan menimpa mereka yang terdedah secara langsung kepada cahaya matahari.

"Apabila kadar penyahhidratan meningkat, seseorang yang terjejas akan mula berasa lemah, pening dan tidak menentu atau keliru kerana tekanan darah mula

menurun dan suhu tubuh pula meningkat.

"Untuk sentiasa berada dalam keadaan sejuk dan bagi mengelak daripada masalah berkaitan haba, minumlah banyak air," katanya kepada Bernama melalui e-mel hari ini, sambil menjelaskan bahawa mereka yang mengalami penyahhidratan perlu berpindah ke tempat sejuk dan minum banyak air.

"Beringatlah agar tidak meninggalkan seseorang dengan bersendirian di dalam kereta yang tidak bergerak dengan penghawa dinginnya ditutup dan tingkapnya pula tidak dibuka - suhu boleh meningkat dengan mendadak kepada lebih 50 darjah Celsius akibat kesan rumah tanaman," katanya.

Dr Ashok juga menasihati mereka yang berpuasa supaya sering minum air pada waktu malam dan menambah pengambilan bendalir sebelum memulakan puasa.

Kata beliau, walaupun langkah itu mungkin menimbulkan keadaan yang agak tidak selesa kerana boleh menyebabkan seseorang itu kerap ke tandas, tetapi itulah yang perlu dilakukan untuk terus berasa sejuk dan sihat.

-- BERNAMA



Bekalan Air Di Empangan Utama Masih Di Paras Selamat

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Empangan-empangan utama di seluruh Semenanjung Malaysia masih dalam tahap selamat meskipun negara kini sedang mengalami cuaca panas.

Tinjauan Bernama di Selangor mendapati paras air di tujuh empangan termasuk satu kolam takungan di negeri itu tidak menunjukkan kadar yang membimbangkan dan konsisten setakat pukul 8 pagi ini.

Menurut statistik laman web rasmi Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), empangan terbesar iaitu Langat mencatatkan kadar 65.11 peratus (22.20 juta liter padu) manakala Sungai Selangor sebanyak 80.74 peratus atau 185.7 juta liter padu.

Empangan Batu pula mencatat bacaan 69.68 peratus (22.27 juta liter padu); Klang Gates (79.71 peratus atau 20.19 juta liter padu); dan Semenyih (99.94 peratus atau 59.04 juta liter padu).

Sungai Tinggi menunjukkan bacaan paras air sebanyak 77.42 peratus atau 88.64 juta liter padu; dan Tasik Subang (98.96 peratus atau 4.16 juta liter padu).

Sementara itu, Kolam Takungan Sungai Labu (ORS) pula memberi bacaan 87.79 peratus atau 8.01 juta liter padu air.

Ketujuh-tujuh empangan di seluruh negeri Selangor itu menyalurkan bekalan air kepada pengguna di Kuala Lumpur, Putrajaya dan negeri berkenaan.

Di **SEREMBAN**, bekalan air di tujuh empangan di negeri itu juga terkawal, dan bekalan adalah mencukupi untuk keperluan penduduk di Negeri Sembilan.

"Berkenaan cuaca panas, pihak kami masih menunggu pengesahan daripada **Jabatan Meteorologi Malaysia** dan kami akan membuat pengiraan semula untuk memastikan cuaca panas yang melanda negara kita sekarang tidak menjejaskan keperluan air penduduk di negeri ini," kata Ketua Bahagian Perhubungan Awam Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) Norzita Ismail.

Beliau berkata paras air di lima empangan iaitu Sungai Terip, Kelinchi, Talang (Ulu Muar), Sungai Beringin, dan Ulu Sepri, berada pada tahap melebihi paras kritikal manakala empangan Gemencheh dan Teriang berada melebihi paras minimum.

Sementara itu di **KEDAH**, paras air tiga empangan iaitu Empangan Pedu, Empangan Beris dan Empangan Ahning mencukupi dan tidak terjejas bagi menghadapi musim panas yang dijangka berlanjutan sehingga Ogos.

Jurutera Kanan Pengurusan Empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) Zamani Zainol berkata paras air bagi ketiga-tiga empangan setakat ini adalah sebanyak 71 peratus.

Kapasiti air untuk kegunaan harian di **KELANTAN** juga dilaporkan mencukupi.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Kelantan Shahimi Sharif berkata setakat ini jabatan itu masih tidak menerima aduan daripada pengguna berhubung kekurangan air.

Di **PERLIS**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri meminta penduduk negeri itu supaya berjimat cermat dalam penggunaan air.

Timbalan Pengarahnya Mohd Nor Hafiz Noor Azmi berkata setakat hari ini, paras air di empangan Timah Tasoh susut 0.02 meter sehari sejak hampir dua minggu lalu.

Katanya setakat ini paras air di empangan itu ialah 29.94 meter sementara paras kritikal 26.5 meter.

Katanya, sebanyak 1.47 juta meter padu air dari empangan terbabit digunakan setiap bulan bagi keperluan domestik daripada keseluruhan kapasitinya menampung air sebanyak 22 juta meter padu.

Di **PULAU PINANG**, bekalan air di dua empangan iaitu Empangan Air Itam dan Teluk Bahang masih mencukupi biarpun negeri itu tidak hujan lebih daripada seminggu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) Jaseni Maidinsa berkata bacaan kapasiti bagi Empangan Air Itam adalah 68.3 peratus yang mampu membekalkan air kepada pengguna sehingga 67 hari.

"Selain itu, paras air di Empangan Teluk Bahang adalah 60.8 peratus yang mana empangan ini lebih besar daripada Empangan Air Itam maka ia boleh bertahan sehingga 185 hari atau enam bulan lebih," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata satu lagi empangan di negeri ini iaitu Empangan Mengkuang kini masih lagi dalam proses baik pulih.

Di **MELAKA**, paras air di tiga empangan di negeri itu masih dalam keadaan baik dan bekalan air mencukupi untuk menampung permintaan pengguna di negeri ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Melaka Berhad Datuk Mohd Khalid Nasir.

Beliau berkata Empangan Durian Tunggal di Alor Gajah berada pada tahap kapasiti 65.65 peratus, Empangan Jus di Jasin berada pada paras 58.7 peratus kapasiti dan Empangan Asahan juga di Jasin berada pada kapasiti penuh iaitu 100 peratus.

"Bekalan air di Empangan Durian Tunggal mampu bertahan sekitar Ogos ini jika tiada hujan turun. Empangan Jus pula mampu bertahan sehingga Disember ini, manakala bagi Empangan Asahan yang dalam kapasiti penuh mungkin lebih lama daripada itu," katanya kepada Bernama.

Bagaimanapun, katanya, paras air Sungai Melaka telah menyusut disebabkan cuaca panas serta kurang hujan sejak kebelakangan ini dan operasi pengepaman air dari sungai itu ke Empangan Durian Tunggal dihentikan sejak 21 Jun lepas disebabkan kemerosotan itu.

"Kita akan pantau situasi di sungai itu, sekiranya ia (paras air sungai) meningkat kerja pengepaman (air ke Empangan Durian Tunggal) akan dilakukan semula," katanya.

Di **JOHOR**, dua daripada tujuh empangan yang membekalkan keperluan air kepada penduduk di negeri itu berada dalam keadaan membimbangkan selepas susut berikutan cuaca panas.

Ketua Komunikasi Korporat Syarikat Air Johor Holdings Sdn Bhd (SAJ), Jamaluddin Jamal berkata paras kedua-dua empangan iaitu Empangan Sungai Lebam, dekat Kota Tinggi dan Empangan Upper Layang, Masai, di sini, menyusut 0.03 meter setiap hari.

"Empangan Sungai Lebam yang merekodkan paras 10.21 meter ketika ini melebihi paras kritikal 12.27 meter manakala Empangan Upper Layang merekodkan paras 20.62 meter melebihi paras kritikal 23.5 meter," katanya ketika dihubungi.

Jamaluddin berkata paras Empangan Sungai Lebam tidak meningkat sejak dua bulan lepas dan dijangka bekalan air berjadual akan dilakukan kepada penduduk kawasan sekitar sekiranya paras air di empangan itu terus menyusut.

Beliau berkata, selain kedua-dua empangan itu, penyusutan paras sungai turut berlaku di Sungai Sembrong Kiri, dekat Kluang yang menyebabkan kekurangan bekalan air di Loji Rawatan Sembrong Timur.

"Berikutan itu, hanya 29 juta liter air sehari mampu dipam loji berkenaan berbanding 33 juta liter sehari yang sekali gus menyebabkan penduduk menerima bekalan air dalam tekanan rendah," katanya.

Stock market, Islamic authorities all set for the extra second

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

PETALING JAYA: An additional one second will be added to clocks worldwide today to adjust to the earth's rotation, with Malaysian bodies ranging from the stock market to Islamic authorities geared up for the move.

Known as a leap second, the extra time would be added at midnight Coordinated Universal Time (UTC) or 8am local time today (Wednesday), said National Space Agency science officer Mohd Zamri Shah Mastor.

He said that for some online clocks that had been adjusted for the change, the time today (Wednesday) would go from 7am 59 minutes and 59 seconds, to 7am 59 minutes and 60 seconds, before switching over to 8am.

Other clocks will show 7am 59 minutes and 59 seconds twice before shifting to 8am to include the extra second.

"Most smartphones and computer clocks whose time is synchronised with network protocol time servers will automatically adjust," said Zamri.

Bursa Malaysia Berhad said it had prepared for the change and assured that its operations would continue normally today.

Equity, futures and commodities markets in other countries have all reportedly made adjustments for the extra second.

The Financial Times reported that the New York Stock Exchange and Nasdaq would close their late trading periods early, while the Singapore exchange would delay the change by 24 hours and continue to run its systems a second ahead of the UTC clock.

The International Earth Rotation and Reference Systems (IERS) in Paris streamlines the UTC to the actual rotation of the earth, with the last leap second taking place on July 1, 2012.

For Muslims in the country, the extra second will not affect fasting and prayer times today.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN UTUSAN MALAYSIA (USAHAMUDA) : MUKA SURAT 5 TARIKH: 30 JUN 2015 (SELASA)

Standard, kredibiliti boleh dipertingkatkan

Kurang modal, teknologi halang usahawan capai standard

USAHAWAN Bumiputera khususnya yang berkecimpung dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu melakukan anjakan serta berdaya tahan dalam memastikan syarikat milik mereka itu mencapai standard yang membanggakan.

Menurut Penasihat dan Pengarah Kewangan Maju Jaya Ria Sdn. Bhd, **Datuk Mohammad Fadzlee Mustapa**, masalah seperti modal, teknologi dan pemasaran yang sering dikaitkan membelenggu usahawan Bumiputera bukanlah isu utama menjadi penghalang buat mereka melangkah ke peringkat lebih tinggi.

"Apa yang lebih penting adalah bagaimana para usahawan ini dapat berdaya tahan serta mahu terus belajar memperkembangkan perniagaan kerana hanya menerusi kesabaran dan kerja keras yang mampu membawa produk mereka itu ke satu tahap yang lebih baik.

"Usahawan Bumiputera juga mempunyai potensi dan kelulusan yang diperlukan untuk menjadi usahawan yang berjaya. Namun, bagi memastikan terus kekal berjaya serta melangkah jauh, mereka perlu mempunyai semangat cekal serta bijak merebut peluang," katanya.

Tambahnya, banyak program dan pembiayaan yang disediakan kerajaan bagi membantu membangunkan usahawan Bumi-



putera. Sehubungan itu, golongan tersebut disarankan menggunakan setiap peluang yang diberikan itu.

"Banyak program termasuk bantuan pembiayaan yang diberikan kerajaan bagi memastikan usahawan Bumiputera terabit berjaya dan dapat bersaing dengan usahawan lain. Namun diperhatikan, masih banyak yang tidak menggunakan sebaiknya peluang yang diberikan.

"Mereka juga tidak boleh hanya menunggu tetapi perlu lebih proaktif, rajin, ramah serta bercampur dengan ramai orang bagi membina kumpulan kenalan yang lebih luas dalam mengembangkan aset dan perniagaan mereka. Inilah rahsia kejayaan usahawan-usahawan lain," katanya yang terlibat dengan perniagaan dan perusahaan melebihi 20 tahun.

Jelas Mohammad Fadzlee, memang diakui tahap daya saing usahawan Bumiputera masih rendah, namun tidak mustahil mereka dapat menjadi peneraju jika tahu potensi yang ada pada setiap produk untuk berkembang.

Sementara itu, **Zakhir Mustafa** berkata, kesepakatan antara usahawan-usahawan Bumiputera perlu diperkasakan supaya boleh menjadi entiti besar selain berkemampuan meneroka pasaran yang lebih meluas.

"Diperhatikan, banyak usahawan Bumiputera mahu membuat sesuatu secara bersendirian sehingga mengakibatkan mereka terlepas banyak peluang untuk memperkembangkan perusahaan ekoran kekurangan dan ketidakupayaan melaksanakannya.

"Sedangkan, jika mereka bersepakat dengan para usahawan lain yang terlibat dengan bidang perniagaan yang sama, tentu peluang yang diperoleh dapat direbut serta

digunakan sebaiknya secara bersama.

"Kebolehan memenuhi keperluan serta melaksanakan setiap peluang yang terhidang dengan baik sudah tentu membantu membina kredibiliti para usahawan Bumiputera terlibat, sekali gus meningkatkan keyakinan dalam kalangan pemain-pemain industri yang lain untuk terus bekerjasama," katanya.

Zakhir yang merupakan *technology evangelist* di syarikat Cworks Technology Sdn. Bhd. menjelaskan, banyak contoh syarikat yang berjaya hasil daripada kerjasama yang mereka jalinkan dengan syarikat-syarikat lain.

"Hasil kesepakatan dan kerjasama sebegini dapat membantu lebih ramai usahawan selain mendapat manfaat daripadanya. Tindakan tersebut menjadi tanggungjawab seorang usahawan untuk membantu orang lain," katanya.

Sementara itu jelasnya, banyak program dan pembiayaan yang tersedia untuk membantu para usahawan Bumiputera membangunkan perniagaan, namun ekoran terdapat beberapa syarat tertentu yang tidak dapat dipenuhi, objektif program tersebut kurang berhasil.

"Terdapat syarikat Bumiputera yang gagal memperoleh pembiayaan yang disediakan kerana tidak memenuhi beberapa syarat, kelayakan serta standard yang diperlukan. Sehubungan itu, amat penting untuk usahawan-usahawan Bumiputera mempertingkatkan kemampuan dengan memperoleh sijil-sijil kelayakan yang bersesuaian.

"Untuk itu juga, **Jabatan Standard Malaysia (JSM)** dilihat bersedia membantu dengan menawarkan perkhidmatan standardisasi bagi meningkatkan kualiti para usahawan Bumiputera ini," katanya.

Banyak program termasuk bantuan pembiayaan yang diberikan kerajaan bagi memastikan usahawan Bumiputera terabit berjaya dan dapat bersaing dengan usahawan lain."

MOHAMMAD FADZLEE MUSTAPA
Penasihat dan Pengarah Kewangan
Maju Jaya Ria Sdn. Bhd.

info

- Jabatan Standard Malaysia (JSM) merupakan Badan Standard Kebangsaan dan Badan Akreditasi Kebangsaan.
- Memberi perkhidmatan standardisasi dan akreditasi yang boleh dipercayai untuk persaingan global.
- Memastikan penyelesaian produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di kesemua 24 buah sektor ekonomi adalah berkualiti, selamat, boleh diharap, cekap, bersesuaian, berkesan kos dan lestari.
- Membantu memperbaiki kecekapan, mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kualiti bagi memastikan produk dan perkhidmatan pelanggan mendapat keboleh pasaran lebih baik di dalam dan luar negara



ZAKHIR MUSTAFFA

